

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : NASIONAL**

*Simpodium Keluarga Malaysia: Pencapaian dan Harapan*

# ‘Kerajaan sementara capai perkara sukar dipersetujui’

**Khairy lihat kestabilan, kelulusan pelbagai RUU di Parlimen jadi bukti**

**Putrajaya:** Biarpun dituduh sebagai kerajaan sementara, kerajaan Keluarga Malaysia pimpinan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berjaya mencapai perkara yang sukar dipersetujui sebelum ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata perkara itu dapat dilihat dengan kestabilan dan kelulusan pelbagai rang undang-undang (RUU) di Parlimen.

“Dalam tempoh satu tahun ini, kerajaan yang dianggap sebagai kerajaan sementara ini, sebenarnya berjaya mencapai perkara sukar dicapai sebelum ini seperti RUU yang sangat susah hendak dilaksanakan, dapat diluluskan dalam tempoh 12 bulan sahaja.

“Sama juga isu kesihatan, saya cakap kepada Perdana Menteri minta buat sesuatu untuk masa depan, bukan sekadar ingat pilihan raya sahaja. Sebab itu, Per-



*Khairy berucap pada Simposium Keluarga Malaysia: Pencapaian dan Harapan di PICC, semalam.*

(Foto BERNAMA)

dana Menteri setuju bawa (RUU), untuk kita wujudkan negara bebas asap rokok di Malaysia,” katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Simposium Keluarga Malaysia: Pencapaian dan Harapan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

#### Tangani pandemik

Berkongsi pengalamannya berkaitan COVID-19, Khairy berkata, beliau masih ingat kali pertama dihubungi Ismail Sabri yang memintanya menerajui Kementerian Kesihatan (KKM) bagi

menangani pandemik itu.

Katanya, biarpun tidak memiliki latar belakang dalam bidang kesihatan sebaliknya ekonomi, beliau memiliki pandangan luas untuk menyelesaikan pandemik yang melanda negara.

“Saya melihat pendekatan ketika itu adalah lebih membendung, jadi saya arahkan KKM untuk kita melihat bagaimana bukan hanya selamatkan nyawa, tetapi pada masa sama kita dapat perlipa kehidupan rakyat.

“Kita jangan hanya fokus kepada langkah seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke-

rana kita mempunyai senjata ampuh, iaitu vaksinasi,” katanya.

Ahli Parlimen Rembau itu berkata, beliau sedar ramai marahannya kerana bertegas dalam isu vaksinasi, namun imunisasi itu menjadi faktor membawa negara keluar daripada situasi rumit disebabkan COVID-19.

#### Kejayaan PICK

“Saya tahu ramai marah kata saya tegas, paksa dalam isu vaksin, saya tidak akan meminta maaf sebab kalau kita lihat hari ini, kejayaan kita keluar daripada COVID-19 adalah disebabkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) antara yang terbaik di dunia.

“Kajian dibuat Institut Penyelidikan Klinikal di bawah KKM menunjukkan program vaksinasi kita menyelamatkan tidak kurang daripada 17,000 nyawa.

“Sebab itu, kita yakin apabila varian Omicron datang pada Januari dan Februari lalu, menjelang Mac saya ambil keputusan selepas membuat penilaian risiko dengan memberi nasihat kepada Perdana Menteri iaitu pada 1 April boleh diumumkan sebagai tarikh bersejarah, iaitu buka sempadan dan kita beralih ke fasa peralihan ke endemik,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

**Lahad Datu**

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah memohon maaf kepada keluarga pesakit berhubung insiden pesakit diberi ubat salah oleh pegawai perubatan semasa mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Felda Sahabat, dekat sini, baru-baru ini.

Pengaruhnya, Datuk Dr Rose Nani Mudin, berkata berdasarkan siasatan, ter-



**Pesakit sebenarnya mempunyai sejarah perubatan penyakit darah tinggi dan pembengkakan kalenjar prostat"**

Dr Rose

# Keliru tengok buku rawatan

*Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mohon maaf kepada keluarga pesakit insiden beri ubat salah*

dapat kelemahan komunikasi antara pegawai perubatan yang memberikan rawatan kepada pesakit itu.

"Pegawai perubatan terabit telah melihat buku rawatan yang dibawa oleh pesakit ke Klinik Kesihatan Felda Sahabat, di mana pesakit mempunyai rekod diberi ubat kencing manis.

"Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mengesyaki buku rawatan yang dibawa pesakit bercampur dengan buku rawatan isteri pesakit, ini me-

nimbulkan kekeliruan kepada pegawai perubatan berkenaan yang meneruskan pemberian ubat kencing manis kepada pesakit.

"Mengikut rekod, pesakit sebenarnya mempunyai sejarah perubatan penyakit darah tinggi dan pembengkakkan kalenjar prostat," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Dr Rose Nani berkata sepatutnya pegawai perubatan memberikan penerangan kepada pesakit dan keluarga pesakit tentang status penyakit dihidapi serta jenis ubat yang diberikan.

"Sekiranya proses penangan dilaksanakan sudah tentu kekeliruan dapat dielakkan," katanya lagi.

Justeru, katanya, pihaknya akan memastikan para pegawai perubatan yang bertugas di kawasan pedalaman di negeri itu agar mendapatkan latihan secara berkala berkaitan merawat pesakit termasuk komunikasi berkesan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

## 92% kes tertunggak bukan Covid-19 selesai



KHAIRY

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) berjaya menyelesaikan kes rawatan tertunggak bukan Covid-19 di hospital kerajaan seluruh negara sebanyak 92 peratus setakat ini daripada jumlah 57,355 kes dilaporkan pada September 2021.

Menyatakan itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kementerian kini dalam usaha untuk menyelesaikan baki 4,833 kes rawatan yang tertunggak itu dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, penyelesaian kes tertunggak itu disumbangkan oleh beberapa inisiatif KKM termasuk penyumberluaran pesakit hospital kerajaan ke hospital swasta.

"Sebab itu kita melakukan penyumberluaran (ke) hospital swasta. Kalau kita tengok hospital awam penuh (dan) hospital swasta kosong, jadi pesakit bukan Covid-19 kita hantar kepada hospital swasta.

"Alhamdulillah, setelah kita melaksanakan langkah tersebut, pada September dan Oktober (2021), keadaan semakin baik dan kes semakin menurun," katanya.

Sementara itu, Khairy turut mengumumkan sejumlah 4,053 Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi telah berjaya ditawarkan lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) setakat minggu lepas.

Katanya, jumlah pelantikan itu merupakan urusan pengambilan jawatan tetap terbesar pernah dilaksanakan sejak 2016. - Bernama

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 2**  
**RUANGAN : NATION**

Reports by MAZWIN NIK ANIS, JOSEPH KAOS Jr and TARRENCE TAN

## KJ: Public healthcare expenditure to gradually rise

**PUTRAJAYA:** Malaysia's public healthcare expenditure will gradually be increased to 5% of gross domestic product (GDP), says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob had agreed to the move after he was informed that Malaysia's public healthcare expenditure was at 2.58% of the GDP which is considered low for an upper middle income country.

"For upper middle income countries, it should have been between 4% and 5% of the GDP."

"When officiating an event in Hospital Bera on Saturday, the Prime Minister agreed that our public healthcare expenditure will be gradually increased till it reaches

5% of the GDP.

"As the Health Minister, I cannot ask for more than what the Prime Minister has committed so far," said Khairy during the Malaysian Family symposium at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) yesterday.

During the symposium, he tabled the achievements by the Health Ministry since he was appointed as the minister nearly a year ago on Aug 26.

According to him, the Health Ministry managed to reduce the number of non-Covid-19 backlog cases from over 57,000 cases to about 4,800.

Khairy said the Covid-19 pandemic had revealed weaknesses in

the public healthcare system noting that since 2016, there were no permanent appointments of contract doctors, dental officers and pharmacists.

He said after he raised the issue to the Cabinet and appealed to the Prime Minister, 4,053 permanent positions were subsequently approved last week.

"This is the biggest increase since 2016," he said.

Meanwhile, Khairy said he was unapologetic over criticisms for being firm during the implementation of the National Covid-19 Immunisation Programme.

He said the programme was among the best in the world. He also credited the 8.9% GDP growth

registered in the second quarter of the year to the government's assurance of no more lockdowns.

"The GDP growth of 8.9%, the highest in South-East Asia, was driven by investors' confidence that there will be no more movement control orders," added Khairy.

On Aug 12, Bank Negara said Malaysia's economy expanded 8.9% year-on-year in the second quarter of 2022, which was significantly higher than the median expectation of 6.7% growth by a Reuters poll of economists.

Watch the video  
[TheStarTV.com](http://TheStarTV.com)

